NO SOALAN :451

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN R. SIVARASA A/L K. RASIAH (SUBANG)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN R. SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butiran penuh (dipinjam dari siapa dan bila) hutang Syarikat 1MDB yang telah disahkan dilapor oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara sebagai RM42 bilion dan butiran penuh macam mana dana itu telah dibelanjakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perincian jumlah bayaran balik pinjaman yang dibuat oleh 1MDB ada dinyatakan di dalam Penyata Kewangan 1MDB yang telah diaudit sejak 2009 dan telah difailkan setiap tahun di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Maklumat terperinci Penyata Kewangan 1MDB yang telah diaudit boleh dimuat-turun di laman web SSM.

Tuan Yang Dipertua,

Kesemua hutang 1MDB akan dibayar balik melalui pelaksanaan Pelan Rasionalisasi sepertimana yang telah dibentangkan di dalam Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara ("PAC") mengenai Kawalan Pengurusan Urus Tadbir Syarikat 1MDB. Segala butiran pinjaman yang dibuat oleh 1MDB boleh didapati di dalam Jadual 10, laporan tersebut.